

Nama : Kelas :



فَرَسِيْنَاكَ عَزَّ وَجَلَّ إِذْ جَلَسْنَا فِي مَجْلِسِنَا
وَمَجْلِسِنَا كَرَامَاتِنَا لِنَسْتَعِينَهُ بِأَعْيُنِنَا
يَا أَيُّهَا اسْمُ إِسْلَامِ كَلِمَاتِنَا



3756/1
Prinsip Perakuan
Kertas 1
November 2023
1 jam 15 min

PEPERIKSAAN PERCUBAAN
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2023
PRINSIP PERAKAUNAN 1

JANGAN BUKA SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.
2. Jawab semua soalan.
3. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf A, B, C dan D. Bagi tiap-tiap soalan pilih satu jawapan sahaja. Tandakan semua jawapan anda pada kertas jawapan yang disediakan.
4. Penggunaan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogramkan adalah dibenarkan.

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak

SULIT

YIK - P. AKAUN TKT 5 - PERCUBAAN 2023

Lihat Sebelah


1. Urus niaga yang berikut berlaku dalam perniagaan Ali Daie Book Store.

Pemilik telah mengambil barang niaga untuk kegunaan sendiri

Urus niaga tersebut direkodkan sebagai ambilan dalam buku perniagaannya.
Apakah konsep yang digunakan?

- A Ketekalan
- B Prinsip kos
- C Entiti berasingan
- D Tempoh perakaunan

2. Rajah di bawah adalah sebahagian daripada proses kitaran perakaunan.



Apakah P

- A Lejar
 - B Jurnal
 - C Buku Tunai
 - D Imbangan Duga
3. Kumpulan item yang manakah Aset Bukan Semasa?
- A Sewa premis prabayar, gaji prabayar, lengkapan
 - B Bangunan, tanah, sewa belum terima
 - C Perabot, tunai, Akaun Belum Terima
 - D Mesin, kenderaan, premis

SULIT

YIK - P. AKAUN TKT 5 - PERCUBAAN 2023

Lihat Sebelah

- 4 Pada akhir tempoh perakaunan, buku Perniagaan Iqbaal Trading menunjukkan baki-baki berikut:

	RM
Aset	50 000
Liabiliti	17 590

Berapakah modal awal perniagaan jika Perniagaan Iqbaal Trading mengalami kerugian sebanyak RM5 950?

- A RM23 540
 B RM26 460
 C RM32 410
 D RM38 360
- 5 Maklumat kewangan berikut diambil daripada Ahmadu Enterprise pada 31 Disember 2022.

	RM
Untung kasar	16 300
Diskaun diterima	1 800
Angkutan keluar	650
Inventori akhir	1 000
Sewa	4 800
Perabot	750

Berapakah untung bersih perniagaan tersebut?

- A RM10 900
 B RM11 650
 C RM11 900
 D RM12 650

SULIT

YIK - P. AKAUN TKT 5 - PERCUBAAN 2023

Lihat Sebelah

- 6 Pemilik Kedai Runcit Lee telah membawa masuk perabot peribadinya dalam perniagaan.
Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas persamaan perakaunan?

	Aset	Liabiliti	Ekuiti Pemilik
A	Berkurang	Berkurang	Tiada kesan
B	Bertambah	Bertambah	Tiada kesan
C	Berkurang	Tiada kesan	Berkurang
D	Bertambah	Tiada kesan	Bertambah

- 7 Apakah dokumen yang digunakan untuk membetulkan sebarang kesilapan dan ketinggalan yang berlaku dalam invois?

- I Makluman Debit
- II Nota Kredit
- III Nota Debit
- IV Resit

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 8 Kedai Haiwan Tommy menerima invois daripada Farmasi Penn bernilai RM4 800 pada 30 September 2022. Invois ini adalah untuk ubat-ubatan haiwan yang telah diterima oleh kedai itu seminggu sebelum tarikh berkenaan.

Buku Catatan Pertama yang manakah digunakan untuk merekod butiran invois tersebut?

- A Jurnal Am
- B Buku Tunai
- C Jurnal Belian
- D Jurnal Jualan

SULIT

9. Urus niaga yang manakah **tidak** dicatat dalam Jurnal Am?

- A Membeli rak secara kredit
- B Mengeluarkan wang tunai untuk kegunaan peribadi
- C Memasukkan perabot peribadi ke dalam perniagaan
- D Memindahkan akaun hasil dan belanja ke akaun penamat

10. Urus niaga yang manakah direkod dalam Buku Tunai Runcit?

- A Penerimaan tunai daripada Akaun Belum Terima
- B Pembayaran sewa kedai secara tunai
- C Pembelian perabot secara tunai
- D Pembelian setem secara tunai

11. Pilih catatan bergu yang betul bagi urus niaga Kedai Alat Tulis Dunia

	Urus niaga	Debit	Kredit
I	Jualan perabot secara tunai	Akaun Tunai	Akaun Perabot
II	Ambilan tunai untuk kegunaan sendiri	Akaun Ambilan	Akaun Modal
III	Belian kredit daripada Kedai Maya	Akaun Belian	Kedai Maya
IV	Bayar sewa dengan cek kepada Pak Abu	Pak Abu	Akaun Sewa

- A I dan II
- B I dan III
- C II dan IV
- D III dan IV

12. Petikan akaun berikut diperoleh daripada buku seorang peniaga.

Akaun Kawalan Belum Terima				
2023			2023	
Mac 1	Baki b/b	400	Mac 31	
31	Faedah	100	Bank	4 750
	Bank (cek tak layan)	180	Diskaun diberi	250
			Pulangan jualan	140
			Hutang lapuk	110
			Baki h/b	380

Berapakah jumlah jualan kredit?

SULIT

Lihat Sebelah

- A RM380
- B RM680
- C RM4 950
- D RM5 630

13 Kedai Adlie mengeluarkan cek RM1 500 kepada Damai Enterprise dan menerima diskaun tunai RM200. Catatan yang manakah betul untuk merekod urus niaga tersebut?

A

Damai Enterprise	
Bank	1 500

Bank	
Diskaun diterima	200
Damai Enterprise	1 500

Diskaun Diterima	
	Bank 200

B

Damai Enterprise	
Bank	1 300
Diskaun diterima	200

Bank	
Damai Enterprise	1 500

Akaun Diskaun Diterima	
	Damai Enterprise 200

C

Damai Enterprise	
Bank	1500
Diskaun Diterima	200

Bank	
Damai Enterprise	1 500

Akaun Diskaun Diterima	
Akaun Belum Bayar	200

SULIT

D

Damai Enterprise	
Bank	1 500
Diskaun Diterima	200
Bank	
	Damai Enterprise 1 500
Akaun Diskaun Diterima	
	Akaun Belum Bayar 200

- 14 Imbangan Duga berikut diperoleh daripada Perniagaan Nasir.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2022

	Debit	Kredit
Belian dan Jualan	38 500	46 900
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	7 800	6 500
X	5 000	

Apakah X?

- A Modal
 - B Ambilan
 - C Overdraf bank
 - D Pulangan belian
- 15 Pernyataan yang manakah benar tentang pelarasan pada tarikh imbangan?
- I Insurans prabayar - Liabiliti semasa
 - II Hutang lapuk terpulih - Hasil
 - III Alat tulis - Belanja
 - IV Komisen belum terperoleh - Aset Semasa
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

SULIT

YIK - P. AKAUN TKT 5 - PERCUBAAN 2023

Lihat Sebelah

- 16 Kesilapan berikut telah dikesan dalam buku perniagaan seorang peniaga.

Jualan kepada Raju RM480 telah tersalah catat ke Akaun John

Catatan yang manakah membetulkan kesilapan di atas?

Jurnal Am

	Butir	Debit RM	Kredit RM
A	John Raju	480	480
B	Raju Jualan	480	480
C	John Jualan	480	480
D	Raju John	480	480

- 17 Imbangan Duga berikut diperolehi daripada Ajiss Trading.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2022

	Debit RM	Kredit RM
Kenderaan	13 000	
Akaun Belum Terima dan Akaun Belum Bayar	1 100	800
Bank	1 060	
Angkutan masuk	115	
Angkutan keluar	125	
Belian dan Jualan	3 200	8 650
Komisen		350
Gaji	1 200	
Modal		10 000

Selepas Imbangan Duga disediakan, kesilapan berikut dikesan.

- (i) Angkutan keluar RM30 telah direkod sebagai angkutan masuk
(ii) Komisen diterima dan belian masing-masing terlebih rekod sebanyak RM50

SULIT

YIK - P. AKAUN TKT 5 - PERCUBAAN 2023

Berapakah jumlah Imbangan Duga selepas kesilapan dibetulkan?

- A RM19 720
- B RM19 750
- C RM19 780
- D RM19 800

- 18 Kamal telah membayar insurans tahunan kedainya sebanyak RM600 pada 31 Mac 2022. Tempoh perakaunannya berakhir pada 31 Disember 2022. Berapakah insurans bagi tahun 2022?

- A RM150
- B RM200
- C RM450
- D RM500

- 19 Syarikat Sentosa membeli alat tulis bernilai RM 360 pada tahun 2022. Pada 31 Disember 2022, sebanyak RM80 alat tulis masih belum digunakan. Pilih catatan yang betul dalam Penyata Kewangan.

	Akaun Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
A	Alat tulis RM360	Inventori alat tulis RM80
B	Alat tulis RM280	Inventori alat tulis RM360
C	Alat tulis RM280	Inventori alat tulis RM80
D	Alat tulis 80	Inventori alat tulis RM280

- 20 Catatan bergu yang manakah digunakan untuk merekod pelanggan yang tidak mampu membayar hutang.

	Debit	Kredit
A	Akaun Belum Terima	Akaun Hutang lapuk
B	Akaun Hutang Lapuk	Akaun Belum Terima
C	Akaun Belum Terima	Akaun Untung Rugi
D	Akaun Untung Rugi	Akaun Belum Terima

SULIT

YIK - P. AKAUN TKT 5 - PERCUBAAN 2023

Lihat Sebelah

- 21 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perniagaan Syarikat GUC.

	RM
Akaun Belum Terima	9 600
Peruntukan hutang ragu (1 Januari 2022)	450
Peruntukan hutang ragu diselaraskan kepada 8% atas Akaun Belum Terima	

Berapakah peruntukan hutang ragu yang perlu dicatatkan dalam Akaun Untung Rugi pada 31 Disember 2022?

- A RM318
 B RM732
 C RM768
 D RM1 218
- 22 Sewa belum terperoleh dicatatkan dalam Penyata kedudukan Kewangan sebagai...

- A Aset Semasa
 B Liabiliti Semasa
 C Aset Bukan Semasa
 D Liabiliti Bukan Semasa

- 23 Maklumat berikut diperoleh daripada akaun Kedai Runcit Zamani. Tahun kewangannya berakhir pada 31 Mei 2019.

	RM
Kenderaan	15 000
Tunai	4 500
Bank (overdraf)	1 750
Akaun Belum Bayar	2 050
Akaun Belum Terima	3 550

Berapakah modal pada tarikh itu?

- A RM16 250
 B RM19 250
 C RM10 750
 D RM22 750

SULIT

YIK – P. AKAUN TKT 5 - PERCUBAAN 2023

- 24 Encik Hafiz mendapati baki Buku Tunai berbeza dengan baki Penyata Bank. Apakah yang menyebabkan perbezaan baki tersebut?

- I Caj bank
- II Cek yang belum digunakan
- III Dividen yang dikreditkan ke bank
- IV Cek yang belum dikemukakan

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

- 25 Maklumat berikut diperolehi daripada Akaun Semasa Adli.

	RM
Baki pada 1 Januari 2022	520
Faedah atas modal	840
Ambilan	1 200
Faedah atas ambilan	60
Kongsi untung	2 400

Berapakah baki akhir akaun tersebut?

- A RM3 700
 - B RM2 500
 - C RM1 580
 - D RM1 460
- 26 Petikan Akaun pengasingan Untung Rugi berikut diperolehi daripada perkongsian Bob dan Chong. Mereka bersetuju membahagikan untung atau rugi mengikut nisbah 2 : 1.

Akaun pengasingan Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Mac 2023

	RM			RM
Faedah atas modal		Untung bersih		21 500
Bob	3 500			
Chong	3 000			
Kongsi untung :				
Bob				
Chong				

SULIT

YIK - P. AKAUN TKT 5 - PERCUBAAN 2023

Lihat Sebelah

Berapakah untung yang Bob peroleh?

- A RM5 000
- B RM10 000
- C RM15 000
- D RM21 500

27 Pilih susunan yang betul tentang perekodan pembubaran perkongsian.

- I Membayar belanja realisasi
- II Menutup dan mengimbang Akaun Realisasi
- III menutup dan memindahkan semua aset (kecuali bank) ke Akaun Realisasi
- IV Merekod penerimaan daripada jualan aset dan bayaran daripada pelanggan

- A I, II, III, IV
- B II, III, IV, I
- C III, IV, I, II
- D IV, I, II, III

28 Pada 1 April 2023, Bienda telah membeli 2 000 6% Syer Keutamaan RM2 sesyer daripada Syarikat Limited Berhad. Lembaga pengarah syarikat telah memutuskan perkara-perkara berikut :

- Membayar dividen interim pada 1 Oktober 2022
- Mengisytiharkan dividen akhir pada 31 Mac 2023

Berapakah dividen akhir yang akan diterima oleh Bienda?

- A RM60
- B RM120
- C RM160
- D RM240

SULIT

YIK - P. AKAUN TKT 5 - PERCUBAAN 2023

- 29 Modal diterbitkan dan berbayar penuh Syarikat Warisan Berhad terdiri daripada 200 000 6% Syer Keutamaan RM2.00 sesyer dan 500 000 Syer Biasa RM1.00 sesyer. Syarikat telah memperuntukkan RM100 000 keuntungan untuk pembayaran dividen. Berapakah jumlah dividen yang akan diperoleh oleh pemegang Syer Biasa?

- A RM12 000
- B RM24 000
- C RM76 000
- D RM88 000

- 30 Antara berikut, yang manakah bukan perbelanjaan hasil?

- A Bayaran gaji
- B Alatan sukan
- C Hadiah dan piala
- D Membaiki gelanggang tenis

- 31 Kelab Tenis Seri Permata mempunyai 100 orang ahli. Pada 1 Januari 2022, baki-baki berikut diperoleh daripada buku kelab.

	RM
Yuran belum terima	510
Yuran belum terperoleh	250

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, kelab ini menerima yuran sebanyak RM5 250. Jumlah ini termasuk RM150 yang diterima bagi tahun 2022.

Berapakah jumlah yuran yang sepatutnya diterima pada tahun 2021?

- A RM5 600
- B RM5 360
- C RM4 990
- D RM 4840

- 32 Apakah kelemahan sistem catatan tunggal?

- I Ketepatan perekodan akaun tidak dapat diuji
- II Kesilapan catatan tidak mudah dikesan
- III Imbangan Duga tidak dapat disediakan
- IV Untung atau rugi tidak dapat ditentukan

SULIT

Lihat Sebelah

- A I, II dan III
- B I, II dan IV
- C I, III dan IV
- D II, III dan IV

33 Maklumat berikut diperolehi daripada buku perniagaan Makmur Sekeluarga.

	1 Januari 2022	31 Disember 2022
	RM	RM
Modal	10 000	13 500
Maklumat tambahan :		
(i) Ambilan dalam tahun 2022 RM600		
(ii) Modal tambahan RM1 000 dibawa masuk dalam tahun itu		

Berapakah untung bersih atau rugi bersih perniagaan tersebut bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

- A Untung bersih RM3 100
- B Untung bersih RM3 900
- C Rugi bersih RM3 900
- D Rugi bersih RM3 100

34 Maklumat berikut diperolehi daripada Perniagaan Balasundram yang mengamalkan sistem catatan tunggal. Tempoh perakaunan berakhir pada 31 Julai 2020

	1 Ogos 2019	31 Julai 2020
	RM	RM
Gaji belum bayar	450	1 200
Gaji sebanyak RM2 350 telah dibayar dengan cek pada 28 Julai 2020		

Berapakah jumlah gaji bagi tahun kewangan tersebut?.


- A RM1 600
- B RM2 350
- C RM3 100
- D RM4 000

SULIT

35 Butiran yang manakah merupakan kos buruh langsung?

- A Gaji pengawal keselamatan kilang
- B Upah penyelenggaraan kilang
- C Upah pekerja kilang
- D Gaji penyelia kilang

36 Rajah di bawah berkaitan dengan elemen kos pengeluaran sebuah kilang.



Apakah elemen M dan N?

	M	N
A	Kerja Dalam Proses	Kos Overhed
B	Kos overhed	Kos Bahan langsung
C	Kos Bahan Langsung	Kos buruh tak langsung
D	Kerja Dalam Proses	Kos Buruh Tak Langsung

37 Apakah rumus untuk mengira nisbah semasa?

- A Aset Semasa - Liabiliti Semasa
- B Aset Bukan Semasa - Liabiliti Semasa
- C $\frac{\text{Aset Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$
- D $\frac{\text{Aset Bukan Semasa}}{\text{Liabiliti Semasa}}$

SULIT

YIK - P. AKAUN TKT 5 - PERCUBAAN 2023

Lihat Sebelah

38 Apakah maksud kadar pusing ganti inventori yang rendah?

- I Inventori jualan kurang laris
- II Tukar ganti inventori yang terlalu kerap
- III Tidak cekap dalam mengurus inventori
- IV Berkemampuan menjelaskan hutang pembelian inventori

- A I dan III
- B I dan IV
- C II dan III
- D II dan IV

39 Maklumat berikut diperolehi daripada buku Perniagaan Esmed bagi tahun berakhir 31 Disember 2022.

	RM
Inventori awal	10 200
Inventori akhir	12 140
Belian	15 780
Jualan	23 640
Untung kasar	9 800

Berapakah peratus untung kasar atas kos jualan?

- A 70.80%
- B 62.10%
- C 55.30%
- D 41.50%

40 Titik pulung modal boleh dikurangkan dengan

- A menambahkan kos tetap
- B mengurangkan harga jualan
- C mengurangkan kos berubah
- D mengurangkan margin caruman

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

SULIT